



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU PENETASAN (D.1-2 EB.3)
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PENETASAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 EB KHAS \$1,170 - \$1,350 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengawas inventori dan memastikan peralatan / makanan / *consumable* keperluan operasi penetasan mencukupi dan dalam keadaan baik;
2. Membantu dalam menyediakan sampel ikan untuk dihantar ke makmal bagi pemeriksaan kualiti dan kesihatan ikan;
3. Mencatat bacaan parameter dan pemerhatian / pemantauan ke dalam *log-sheet* pantauan dan melaporkan kepada pengawas operasi;
4. Melaksanakan kerja-kerja penetasan benih ikan dan udang;
5. Melaksanakan kerja-kerja memilih anak-anak ikan dan udang (*grading*);



6. Bertanggungjawab dalam menyediakan jadual dan pelaksanaan kerja-kerja membersihkan kawasan penetasan, pembesaran dan penghasilan serta memastikan sentiasa dalam keadaan bersih;
7. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja membersihkan tangki dan peralatan penetasan benih ikan dan udang;
8. Bertanggungjawab dalam menyediakan jadual sukatan makanan dan memberi makan ikan dan udang; dan
9. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Divisyen dan Ketua Seksyen serta pegawai atasan dari semasa ke semasa.